

Instrumen Pendapatan Tetap untuk Pelabur Baharu

(Bahagian 2/2)



Disediakan oleh: Affin Hwang Asset Management



Dalam bahagian kedua dan terakhir siri pendidikan kami mengenai pendapatan tetap, kita pelajari lebih lanjut mengapa penarafan kredit penting dan juga isyarat yang diberikan kepada pelabur dalam keadaan sebaran kredit yang semakin sempit atau lebar.

< Apa itu Penarafan Kredit? >

Bon diberi penarafan oleh agensi penarafan kredit untuk menentukan kelayakan kredit penerbitnya. Penilaian dilakukan ke atas pelbagai faktor kewangan termasuk kecairan, hutang dan juga ke atas faktor bukan kewangan lain.

Standard and Poor's (S&P), Moody's Investors Service (Moody's) dan Fitch Ratings ialah tiga penyedia penarafan kredit utama, yang dikenali sebagai Big 3. Di dalam negara, agensi penarafan yang memainkan peranan ialah Ratings Agency Malaysia (RAM) dan Malaysia Rating Corporation Berhad (MARC).

Jadual 1: Penarafan Jangka Panjang dan Jangka Pendek oleh Agensi Penarafan Antarabangsa

Moody's		STANDARD & POOR'S		FitchRatings		Keterangan Penarafan
Jangka Panjang	Jangka Pendek	Jangka Panjang	Jangka Pendek	Jangka Panjang	Jangka Pendek	
Aaa	P-1	AAA	A-1+	AAA	F1+	Perdana
Aa1		AA+		AA+		Gred Tinggi
Aa2		AA		AA		
Aa3		AA-		AA-		
A1	P-2	A+	A-1	A+	F1	Gred Pertengahan Atas
A2		A		A		
A3		A-		A-		
Baa1	P-3	BBB+	A-2	BBB+	F2	Gred Pertengahan Bawah
Baa2		BBB		BBB		
Baa3		BBB-		BBB-		
Ba1	Bukan Perdana	BB+	B	BB+	B	Spekulasi Bukan Gred Pelaburan
Ba2		BB		BB		
Ba3		BB-		BB-		
B1		B+		B+		Tahap Spekulasi Tinggi
B2		B		B		
B3		B-		B-		
Caa1		CCC+		C		
Caa2	CCC	CCC				
Caa3	CCC-	CCC-				
Ca	CC	CC	Tahap Spekulasi Amat Tinggi Dijangka gagal membayar			
C	RD	D	RD	D	Gagal Membayar	
/	SD		SD			
/	D		D			

Secara umumnya, tempoh masa satu tahun atau lebih singkat dianggap sebagai jangka pendek, dan tempoh melebihi satu tahun dianggap jangka panjang. Pada masa lepas, pelabur institusi lebih mengutamakan penarafan jangka panjang.

Sumber: Bond and Sukuk Information Exchange (BIX) Malaysia

Jadual 2: Petunjuk Agensi Penarafan Malaysia

RAM RATINGS		MARC MALAYSIAN RATING CORPORATION BERHAD		Definisi
Jangka Panjang	Jangka Pendek	Jangka Panjang	Jangka Pendek	
AAA	P1	AAA	MARC-1	Keupayaan teramat kukuh untuk memenuhi tanggungan kewangan
AA1		AA+		Keupayaan sangat kukuh untuk memenuhi tanggungan kewangan
AA2		AA		
AA3		AA-		
A1	P2	A+	MARC-2	Keupayaan kukuh untuk memenuhi tanggungan kewangan, tetapi terdedah kepada keadaan ekonomi kurang baik dan perubahan keadaan
A2		A		
A3		A-		
BBB1	P3	BBB+	MARC-3	Keupayaan sederhana untuk memenuhi komitmen kewangan, lebih terdedah kepada perkembangan negatif atau keadaan ekonomi kurang baik
BBB2		BBB		
BBB3		BBB-		

Sumber: Bond and Sukuk Information Exchange (BIX) Malaysia

Penarafan kredit penting kerana ia mencerminkan kekuatan kewangan penerbit dan keupayaannya untuk membayar balik. Penarafan ini membantu pelabur membuat keputusan dalam pemilihan bon untuk dilaburkan.

Penarafan kredit juga memainkan peranan menentukan harga atau keluk kadar hasil bon. Bon penarafan lebih tinggi mungkin menawarkan kadar hasil lebih rendah, berbanding bon bertaraf lebih rendah kerana ia dianggap kurang berisiko atau amat terdedah kepada kegagalan pembayaran. Di sebaliknya, bon bertaraf lebih rendah menawarkan kadar hasil lebih tinggi untuk menampung risiko lebih tinggi yang diambil oleh peminjam.

< Bon Gred Pelaburan (IG) >

Penarafan Gred Pelaburan menunjukkan bahawa bon tertentu mempunyai risiko kegagalan pembayaran lebih rendah. Oleh yang demikian, ini menjadikannya pilihan pelaburan menarik bagi pelabur

konservatif. Kadar hasilnya adalah lebih rendah berbanding bon pulangan tinggi.

< Bon Kadar Hasil Tinggi (HY) >

Juga dikenali sebagai bon 'Junk'. Bon ini merupakan instrumen yang membayar kadar faedah lebih tinggi kerana ia mempunyai penarafan lebih rendah berbanding bon Gred Pelaburan. Kadar hasil lebih tinggi setimpal dengan risiko lebih tinggi yang ditanggung pelabur. Bon kadar hasil tinggi tertentu juga dinamakan 'fallen angels' selepas kehilangan status gred pelaburan.

< Bon Perbendaharaan >

Sekuriti perbendaharaan (Perbendaharaan) dianggap instrumen pelaburan paling selamat. Ia juga dikenali sebagai kadar tanpa risiko. Jaminan di sebalik instrumen ini ialah kepercayaan dan kredit kukuh kerajaan AS.

Pelabur dijamin mendapat balik faedah dan juga nilai pokok yang dihutang. Bon perbendaharaan juga terdedah kepada inflasi dan perubahan kadar faedah, seperti instrumen bon lain.

< Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) >

MGS ialah bon jangka panjang membayar kupon yang diterbitkan oleh kerajaan Malaysia untuk meraih dana bagi perbelanjaan pembangunan. Lazimnya MGS termasuk bon paling aktif diperdagangkan di negara ini. Bank Negara Malaysia (BNM) menerbitkan MGS 3 tahun, 5 tahun, 7 tahun dan 10 tahun secara berkala sebagai sekuriti penanda aras bagi melakar keluk kadar hasil yang dijadikan penanda aras.

Di samping itu, bon 15 tahun dan 20 tahun juga pernah diterbitkan untuk memanjangkan keluk kadar hasil. (Sumber: Bond and Sukuk Information Exchange (BIX) Malaysia)

< Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) >

GII ialah sekuriti Kerajaan jangka panjang yang tidak membayar faedah berasaskan prinsip Islam yang diterbitkan oleh kerajaan Malaysia untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. GII diterbitkan menerusi lelongan kompetitif oleh BNM bagi pihak kerajaan. GII lazimnya mempunyai tempoh matang asal 3-tahun, 5-tahun, 7-tahun, dan 10-tahun. (Sumber: Bond and Sukuk Information Exchange (BIX) Malaysia)

< Apa itu Sebaran Kredit? >

Sebaran kredit ialah perbezaan kadar hasil antara bon dengan tahap kematangan yang sama, tetapi dengan kualiti kredit berbeza.

Ia merupakan ukuran premium risiko yang diambil oleh pelabur bon. Lazimnya ukuran sebaran dibuat berbanding Perbendaharaan AS atau bon kerajaan yang dianggap sebagai kadar tanpa risiko.

Sebagai contoh, bon bertaraf AA akan mempunyai sebaran lebih kecil berbanding bon bertaraf BB kerana ia kurang berisiko disebabkan kualiti kredit lebih tinggi. Sebaran lazimnya diukur dalam mata asas (bps), dengan 1 bps bersamaan 0.01%.

Apakah yang dimaksudkan < dengan sebaran kredit semakin lebar atau kecil? >

Sebaran kredit **semakin lebar** mungkin menandakan:-

- Kemungkinan tekanan dihadapi dalam kalangan penerbit bon atau kepercayaan kreditnya atau;
- Pasaran lebih berhati-hati kerana persekitaran makro dan pelaburan lebih cenderung untuk mengelakkan risiko.

Oleh yang demikian, pelabur boleh mendapat kadar hasil lebih tinggi, yang menyebabkan sebaran kredit menjadi semakin lebar.

Sebaran kredit **lebih kecil** mungkin menandakan:-

- Kemungkinan kedudukan penerbit bon dan kepercayaan kreditnya bertambah baik atau;
- Pasaran kembali positif kerana persekitaran makro dan sentimen yang lebih baik.

Persekitaran ekonomi lebih positif di mana permintaan untuk bon yang kekal kukuh akan menyebabkan sebaran untuk menjadi lebih kecil atau lebih lebar.

< Pelaburan dalam Sekuriti Pendapatan Tetap >

Untuk mempelajari lebih lanjut tentang penyelesaian pendapatan tetap kami dan cara anda boleh membina portfolio terpelbagai dengan bon, buat janji temu dengan kami menerusi pautan di bawah:-

<https://affinhwangam.com/get-in-touch/book-an-appointment>

Imbas di sini:



Selain itu, anda boleh mengimbas kod QR di sebelah:

Penafian: Kandungan artikel ini telah disediakan oleh Affin Hwang Asset Management Berhad (seterusnya dirujuk sebagai "Affin Hwang AM") untuk kegunaan kumpulan sasaran khusus, dan untuk tujuan perbincangan sahaja. Semua maklumat terkandung dalam pembentangan ini dimiliki Affin Hwang AM dan tidak boleh disalin, diedarkan atau disebarluaskan dengan cara lain secara sepenuhnya atau sebahagiannya tanpa kebenaran bertulis daripada Affin Hwang AM. Maklumat yang terkandung dalam pembentangan ini mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada pandangan, analisis, unjuran dan jangkaan (secara bersama dirujuk sebagai "Pandangan"). Maklumat tersebut telah diperolehi daripada pelbagai sumber termasuk daripada domain awam, dan hanya merupakan pernyataan berasaskan kepercayaan. Walaupun pembentangan ini telah disediakan berdasarkan maklumat dan/atau Pandangan yang dipercayai betul pada masa pembentangan disediakan, Affin Hwang AM tidak memberikan jaminan secara tersurat atau tersirat terhadap ketepatan atau kelengkapan sebarang maklumat dan/atau Pandangan sedemikian. Seperti sebarang bentuk produk kewangan lain, produk kewangan yang disebutkan di dalam ini (jika ada) mempunyai pelbagai risiko. Walaupun usaha telah dibuat untuk mendedahkan semua risiko yang mungkin dihadapi, produk kewangan mungkin tertakluk kepada risiko terwujud yang timbul di luar jangkaan kami. Produk kewangan ini mungkin langsung tidak sesuai untuk anda, jika anda tidak sanggup menanggung risiko yang timbul daripada dan/atau behubung dengannya. Affin Hwang AM tidak menjadi penasihat atau ejen kepada mana-mana individu yang menjadi sasaran pembentangan ini. Individu tersebut mesti membuat penilaian bebas sendiri tentang kandungan pembentangan ini, tidak harus menganggap kandungan ini sebagai nasihat berhubung dengan hal ehwal undang-undang, perakuan, percukaian atau pelaburan dan hendaklah berunding dengan penasihat masing-masing. Affin Hwang AM dan syarikat-syarikat sekutunya boleh bertindak sebagai principal dan ejen dalam mana-mana urusan niaga yang dipaparkan dalam pembentangan ini, atau sebarang transaksi lain berhubung dengan transaksi tersebut, dan hasilnya menerima yuran broker, komisen atau pendapatan lain. Tiada apa dalam pembentangan ini yang bertujuan untuk membuat atau dianggap sebagai tawaran untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan apa-apa sekuriti. Affin Hwang AM atau mana-mana pengarah, kakitangan atau wakilnya tidak menanggung sebarang liabiliti (termasuk liabiliti kepada mana-mana pihak kerana kecurian, atau salah nyata cuai) daripada sebarang kenyataan, pandangan, maklumat atau perkara (tersurat atau tersirat) yang timbul daripada, terkandung dalam atau dihasilkan daripada atau teringgal daripada pembentangan ini, melainkan liabiliti di bawah undang-undang yang tidak boleh dikecualikan.